

**KOMUNIKASI DI TAPAK BINA**

**AHMAD RIDHUAN BIN MOHD NORDIN**

**TAHUN EMPAT**

**SARJANA MUDA UKUR BAHAN**

**SEISI 2000/2001**

**Projek Sarjana Muda Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

## ABSTRAK

Komunikasi merupakan satu perantaraan yang digunakan bagi mengawal dan cara koordinasi dalam satu kumpulan aktiviti atau ahli-ahli dalam kumpulan sosial. Fungsi utama komunikasi adalah untuk menyampaikan maklumat kepada penerima selain dari fungsi hubungan sosial dan pengurusan. Biasanya, kegagalan komunikasi akan mengakibatkan masalah kepada sesuatu organisasi atau kumpulan. Komunikasi juga sentiasa dikaitkan dengan maklumat. Adalah penting bagi maklumat dapat beredar dengan baik di dalam sesebuah organisasi. Dalam mengkaji aliran dan transformasi maklumat dari klien kepada buruh di tapak bina, satu kajian kes iaitu sebuah tapak pembinaan asrama dan blok pelajar di sebuah universiti tempatan telah dipilih. Di tapak bina tersebut, kaedah temubual berstruktur dan bebas di samping kaedah pemerhatian digunakan dalam mendapatkan data-data yang berkaitan dengan aliran dan transformasi maklumat. Setiap pihak dari klien hinggalah kepada buruh akan ditemubual bagi mendapatkan maklum balas yang berkaitan. Hasil daripada data-data yang dikumpulkan akan menunjukkan satu kriteria maklumat yang paling utama di kalangan organisasi di tapak bina. Kriteria maklumat yang paling utama ialah kecepatan penyampaian dan penerimaan maklumat. Kriteria kedua pula ialah sesuatu maklumat yang diterima haruslah disahkan sumbernya. Dan kriteria maklumat yang terakhir sekali ialah sesuatu maklumat perlu mengalir dalam prosedur yang betul di mana orang yang berhak sahaja menyampaikan atau menerima sesuatu maklumat. Daripada data-data tentang aliran maklumat yang didapati juga menunjukkan berlakunya transformasi maklumat semasa maklumat mengalir di tapak bina. Transformasi maklumat wujud apabila sesuatu perbezaan media penyampaian digunakan dalam menyampaikan sesuatu maklumat. Selain itu juga, transformasi berlaku apabila penyampai maklumat bertindak sebagai penapis maklumat sebelum disampaikan kepada penerima. Bagi memastikan maklumat mencukupi dan dapat digunakan oleh penerima, penyampai perlu mengkaji kandungan maklumat yang disampaikan kepada penerima. Selain itu juga, kaedah atau media penyampaian perlulah tepat dan sesuai dengan jenis maklumat yang cuba disampaikan.

## **ABSTRACT**

Communication is a way to control and co-ordinate a group of activities or members in a group. The main function of communication is to deliver information to the receiver and to fulfil the needs of social relation and management. Since communication is all about information, any failure can cause problems to an organisation or a group. Thus, it is important for information to be communicated without any disruptions to its flow. In this particular research, a case study was used to investigate the flow and transformation of information from client to the labour force. The case study was a construction site for a package of residential and hostel blocks at a local university in Johor Bahru. In that case study, structured and non-structured interviews together with observation method were used to collect data relating to the flow and transformation of information. Respondent ranges from client, professionals, contractors and labour personnel were involved in the research. The results showed that three main criteria of information are speed of sending and receiving information, confirming the sources of information and lastly follow the procedure whereas only the right person can send or received information. The result also revealed that transformation occurs when different media was used to send information to the recipient. Transformation also occurs when receiver tries to filter the information before passing the information to other recipients. To ensure the information suffusion and can be used by the receiver, the communicator must make sure that the content of information is accurate, precise and can been used by the receiver. Besides that, the selection of media and methods of communication have to be right and suit with the information.